

Headline	10 kes curi kabel TNB sepanjang Oktober		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Nov 2014	Language	Malay
Circulation	40,000	Readership	120,000
Section	Nasional	Page No	50
ArticleSize	89 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 2,391		



10 kes curi kabel TNB sepanjang Oktober

KUANTAN - Tenaga Nasional Berhad (TNB) Kuantan merekodkan 10 kes kecurian kabel di pencawang miliknya berlaku sepanjang bulan lalu.

Jurutera Kanan TNB Kuantan, Asyran Ahmad berkata, antara kawasan panas yang sering menjadi tumpuan adalah di Air Putih, Indera Mahkota dan Jalan Gambang.

Menurutnya, kerugian yang ditanggung bagi satu kes kecurian boleh mencecah sehingga RM150,000 bergantung kepada alat yang dicuri.

“Kita dapati kes kecurian ini berlaku secara bermusim terutama menjelang musim perayaan.

“Bagaimana pun, kita ada menyediakan pasukan peronda bagi mengekang kejadian kecurian ini berlaku terutama di kawasan tumpuan pencuri,” katanya ketika ditemui pada Fiesta Bola Sepak 9 Sebelah TNB Kuantan anjuran Kelab Sukan Teknikal Semambu dan Kelab Kilat Kuantan, di sini, semalam.

Asyran berkata, pihaknya turut bertindak pantas membaiki setiap kerosakan yang dialami berikutan

kecurian kabel berkenaan.

Katanya, pasukan yang ditugaskan bersedia menghadapi situasi itu akan memastikan kerosakan dibaiki pada hari sama laporan diterima.

Dalam pada itu katanya, pampasan tidak akan diberikan kepada pengguna sekiranya kerosakan yang dialami akibat kecurian kabel.

“Pampasan hanya akan diberikan jika kerosakan disebabkan kecuaiian pihak TNB seperti pemasangan wayar dan sebagainya,” katanya.